

Empat sahabat karib yang menggelarkan diri mereka sebagai kumpulan Triton membuktikan kemampuan dan daya kreativiti apabila mengungguli Pertandingan Penciptaan Perisian Imagine Cup Malaysia 2013, di sini, kelmarin.

Muhammad Syamil Aiman A Aziz, 22; Siti Salwani Yaacob, 22; Muhammad Faqih Roslan, 21, dan Mohamad Fadhil Jalani, 21, yang juga pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor mengetepikan cabaran 20 pasukan lain pada pertandingan itu.

Kemenangan itu diraih menerusi perisian 'Electric Appliances Remote Control Via Internet Using Microsoft Windows Mobile Application' yang berjaya menarik perhatian sembilan juri dan membolehkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM10,000 serta sijil penyertaan.

Mengulas kemenangan itu, Muhammad Syamil Aiman selaku ketua pasukan berkata, mereka membuat persediaan rapi setahun lalu menerusi kajian dan ban-



■ Empat sahabat juarai Pertandingan Penciptaan Perisian Imagine Cup Malaysia 2013

tuhan pensyarah di UTHM. "Secara tidak langsung, kemenangan ini memberi makna besar kepada kami yang belajar dalam bidang Teknologi Maklumat dan kami bersedia menggalas cabaran negara di peringkat antarabangsa.

"Harapan kami menduduki enam pasukan teratas di peringkat dunia dalam

pertandingan di Saint Petersburg, Russia," katanya.

Tempat kedua pasukan 'G'Adore' diwakili Tan Wai Seang, Tan Wei Theng, Choong Wen Li dan Lee Soon Bon dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi perisi-

an 'DiabeStyle', sekali gus membawa pulang wang tunai RM5,000 serta sijil penyertaan.

Tempat ketiga pasukan '4GM' diwakili Cheong Hoong Jun, Tan Yeong Zhuang, Sham Wai

Rock dan Ching Kin Keong juga dari UPM menerusi perisian "Trashpoint" untuk memperoleh wang tunai RM2,500.

Hadiah disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Prof Dr Morshidi Sirat. Hadir sama, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan.

UTeM adalah sekretariat Imagine Cup Malaysia sejak 2009.

FAKTA
Ketepi cabaran
20 pasukan